

# Tujuh strategi dirancang

## Pembangunan insaniah, pendidikan tumpuan fasa kedua Wawasan 2020

Oleh Kadir Dikoh  
dan Shamsul Azree Shamshir

**P**UTRAJAYA: Kerajaan merumuskan strategi lebih khusus dengan memberi penekanan terhadap beberapa perkara termasuk pembangunan insaniah dan pendidikan sebagai persiapan memasuki fasa kedua ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, 15 tahun lagi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tempoh itu perlu digunakan sepenuhnya untuk membuat persiapan dan pelarasan bagi menghadapi sebarang cabaran dan peluang yang mendatang.

Abdullah berkata, strategi itu adalah antara input yang dicadangkan 10 anggota Panel Penasihat Antarabangsa yang mewakili pakar ekonomi, kewangan, pembangunan dan sosial dari Amerika Syarikat, Eropah dan Asia yang dilantik kerajaan.

Panel itu mengadakan perbincangan selama dua hari berakhir tengah hari semalam, bagi membantu Malaysia merumuskan strategi ketika negara memasuki fasa kedua Wawasan 2020 (2006-2020). Fasa pertama wawasan itu bermula 1990 hingga 2005.

Perdana Menteri berkata, panel itu memberi pelbagai pandangan mengenai keadaan ekonomi semasa dan akan datang, cabaran globalisasi dan perubahan teknologi dunia yang bergerak 'begitu cepat'.

"Saya menganggap adalah penting untuk kita mendengar pendapat dan analisis mereka kerana kita mahu terus membangunkan negara sehingga mencapai matlamat Wawasan 2020," katanya dalam sidang akhbar bersama 10 anggota panel itu di sini, semalam.

Turut serta dalam perbincangan itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Indus-

tri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.


Abdullah berkata, panel itu menekankan mengenai pentingnya menjana pekerja berpengetahuan melalui strategi pembangunan insan yang baik serta pembangunan pendidikan supaya mengeluarkan tenaga kerja mahir dan terlatih.

LIHAT MUKA 2

### FAKTA

#### Strategi Fasa Kedua Wawasan

- 1** Mempercepatkan pembaharuan pendidikan dengan penekanan kurikulum kepada teknologi baru
- 2** Meneruskan penekanan kepada pembangunan insaniah
- 3** Menerokai bidang baru sebagai tambah nilai kepada perkembangan ekonomi
- 4** Mengembangkan sektor pertanian
- 5** Pembangunan berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
- 6** Wujudkan syarikat multinasional berasaskan model Petronas sebagai pemain global
- 7** Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu menjadi pemain global



PANDUAN: Abdullah ketika bersama 10 anggota Panel Penasihat Antarabangsa dalam perbincangan mengenai strategi ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

# Malaysia perlu teruskan agenda ICT

OARI MUKA 1

"Malah mereka menyatakan pertanian sebagai salah satu sektor bagi mengembangkan peluang ke ekonomi asalkan sektor itu dimajukan sejajar teknologi terbaru seperti bioteknologi dan nanoteknologi.

"Pada masa yang sama, Malaysia perlu meneruskan agenda ICT," katanya.

Beliau menegaskan, kerajaan perlu merancang meletakkan Malaysia antara pemain global dari segi ekonomi, kewangan dan bidang lain, bukan setakat di Asia Tenggara.

Bagaimanapun, katanya, perjalanan dalam tempoh 15 tahun akan datang berhadapan pelbagai cabaran dan kemungkinan berlaku peristiwa di luar dugaan, seperti krisis mata wang serantau pada 1997/98.

"Mungkin kita boleh membuat beberapa andaian mengenai apa yang boleh berlaku dan kalau kita tahu, maka kita boleh membuat perediaan sebaik-baiknya.

"Apa yang kita lakukan pada masa ini, mesti membantu membawa kita ke hadapan kerana usaha untuk mencapai matlamat 2020 mesti bermula dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), bukan RMK-11. Ini kerana ia memerlukan banyak perkara yang mengambil masa lebih dari lima tahun untuk mencapainya" katanya.

Mengenai GLC, Abdullah berkata, mereka perlu mengembangkan sayap ke luar negara, bukan setakat menumpu kegiatan dalam negara supaya mampu menyumbang kepada pembangunan negara seperti dilakukan Petronas.

Malaysia juga akan cuba mengadakan kerjasama strategik dengan China dan India serta meningkatkan kerjasama dengan negara Asia Tenggara lain bagi menjamin ia kekal bersaing di peringkat antarabangsa.